

TMJ bebas beri pendapat seperti rakyat biasa: PM

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Tengku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim bebas mengkritik kerajaan, sama seperti rakyat lain di negara ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menganggap Tunku Ismail sebagai rakyat biasa yang bebas menyatakan pandangan, selagi ia tidak bersifat menghasut.

“Kita anggap dia (Tunku Ismail) sebagai orang biasa, boleh mengkritik kerajaan, asalkan dia tak melanggar undang-undang.

“Jika dia buat kenyataan dianggap menghasut, kita akan ambil tindakan terhadapnya. Dia tidak kebal daripada undang-undang, malah tiada sesiapa di Malaysia yang melangkai undang-undang.

Bebas beri pandangan

“Tiada apa pun yang boleh menghalang rakyat Malaysia daripada menyatakan pandangan dan dia (Tunku Ismail) adalah rakyat Malaysia, tidak lebih daripada itu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas bebe-

rapa kritikan Tunku Ismail, terhadap Putrajaya sejak kebela-kangan ini.

Ditanya mengenai kewajaran Tunku Ismail menyertai politik, Dr Mahathir berkata, pilihan itu berada di tangan Tengku Mahkota Johor itu sendiri.

“Dia boleh buat pilihan itu sendiri, jika dia mahu menjadi ahli politik, dia boleh berbuat demikian,” katanya.